

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : STATISTIK KECURIAN PERABOT JALAN DAN VANDALISME**

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah kes akibat daripada kecurian infrastruktur awam (perabot jalan) dan vandalisme di dalam Negeri Selangor sejak tahun 2018 sehingga kini? sila berikan mengikut zon daerah.
- Berapakah anggaran jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri akibat daripada perbuatan tersebut?

**JAWAPAN:**

- Jumlah aduan kerosakan perabot jalan yang dilaporkan di dalam Negeri Selangor sejak tahun 2018 sehingga kini adalah seperti jadual di bawah :-

TAHUN	BIL. ADUAN
2018	65
2019	126
2020 ( <i>sehingga Mei</i> )	45
<b>JUMLAH</b>	<b>236</b>

- Berdasarkan rekod, JKR Selangor secara puratanya membelanjakan peruntukan berjumlah **RM4.8 juta** setahun bagi meningkatkan tahap keselamatan jalanraya termasuk kerja-kerja mengganti dan membaikpulih perabot jalan yang rosak di Jalan-Jalan Negeri. Ia melibatkan peruntukan **Kerajaan Negeri (P12)** berjumlah **RM4.5 juta** dan peruntukan **MARRIS** dengan jumlah **RM300,000.00**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : HASIL KERAJAAN NEGERI**

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penurunan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2020 akibat Covid-19?
- b) Dengan ini, apakah anggaran defisit tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Saya ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB Bandar Utama [Soalan 152(a)], YB Sungai Burong [Soalan 255(a)], YB Bukit Gasing [Soalan 262(a)] dan YB Semenyih [Soalan 290(a)] yang bertanyakan soalan berkaitan kesan wabak Covid-19 terhadap kutipan hasil Kerajaan Negeri.

Tidak dinafikan, Pandemik Covid19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri serta usaha mendapatkan hasil yang berterusan berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Status pendapatan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 secara keseluruhannya adalah sebanyak RM1,527.61 juta atau 69.44 peratus daripada anggaran hasil RM2.2 bilion. Daripada hasil keseluruhan ini, kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM416.67 juta atau 60.08 peratus. Kutipan Hasil Bukan Cukai adalah sebanyak RM897.35 juta atau 70.71 peratus. Manakala, Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM213.58 juta atau 90.01 peratus.

- b) Mengambilkira kedudukan dan prestasi kewangan Kerajaan Negeri serta kesan pandemik Covid 19 yang dihadapi ketika ini, defisit tahunan yang dirangka dalam Belanjawan 2020 akan dapat dipertahankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : JALAN PANTAI MORIB KE PANTAI SEPANG PUTRA ( BAGAN LALANG)**

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan aduan jalan rosak yang diterima dan direkodkan oleh JKR untuk jalan tersebut dari tahun 2012 hingga kini.
- b) Berapakah peruntukan JKR untuk lampu jalan di sepanjang jalan tersebut?
- c) Senaraikan statistik kemalangan maut 5 tahun sebelum ini yang melibatkan jalan tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT005. Mengikut statistik aduan JKR Daerah Kuala Langat, terdapat sejumlah 14 aduan yang diterima dari tahun 2012 hingga 2020 (Januari).

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Aduan</b>
2012	-
2013	-
2014	-
2015	1
2016	-
2017	2
2018	5
2019	5
2020	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>14</b>

Sumber: Lisan, Telefon, Surat

- b) Peruntukan penyelenggaraan bagi lampu jalan dan lampu isyarat bagi jalan tersebut adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
2020	120,000.00
2019	100,00.00
2018	100,00.00
2017	100,00.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>420,000.00</b>

- c) Berikut adalah statistik kemalangan maut dari tahun 2016 hingga 2019:

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Kemalangan Maut</b>
2016	14
2017	11
2018	7
2019	2
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>34</b>

Sumber: Data Kemalangan Bulanan, Bahagian Perancang Jalan, KKR

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KES DENGGI**

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini penyelidikan nyamuk Wolbachia dalam usaha mencegah denggi?
- b) Nyatakan jumlah kos penyelidikan secara terperinci?

**JAWAPAN:**

- a) Status terkini mengenai nyamuk wolbachia dalam usaha mencegah denggi.

Nyamuk berwolbachia telah dilepaskan di 17 lokaliti di negeri Selangor; iaitu 9 lokaliti di bawah oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan 8 lokaliti oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Sembilan (9) lokaliti telah dilepaskan nyamuk berwolbachia oleh Institut Penyelidikan Perubatan adalah:

- i. AU2 Keramat, Gombak;
- ii. PKNS AU2 Keramat, Gombak;
- iii. Flat PKNS Seksyen 7, Shah Alam;
- iv. Jalan Plumbum 101/103;
- v. Mentari Court;
- vi. Pusat Komersial Seksyen 7;
- vii. Jalan Kristal Seksyen 7;
- viii. Flat D PKNS, Seksyen 7, Shah Alam; dan
- ix. Condo Suria Mas, Kelana Jaya;

Lapan (8) lokaliti terlibat dalam aktiviti pelepasan nyamuk berwolbachia oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bermula 7 Julai 2019 sehingga adalah:

- i. Apartment Baiduri, Seksyen 7, Shah Alam;
- ii. Apartment Kelana Putra Puteri Condo, Jalan SS 7/26, SS7, Petaling Jaya;

- iii. Apartment Pelangi Damansara Blok D, E, F, G, H, I, J dan K, Persiaran Surian, Petaling Jaya;
  - iv. Apartment Subang Suria, Jalan Bintang U5/33, Subang Suria, Shah Alam;
  - v. Apartment Lavender, Persiaran Kinrara, Seksyen 3, Puchong;
  - vi. Apartment Desa Mentari, Sri PJS 6, Blok 1, 2, 4, 5, 6 & 7, Petaling Jaya;
  - vii. Apartment Perdana, Seksyen 13, Shah Alam; and
  - viii. Dataran Otomobil, Seksyen 15, Shah Alam;
- (b) JUMLAH KESELURUHAN KOS NYAMUK BERWOLBACHIA DI NEGERI SELANGOR UNTUK 17 LOKALITI IALAH **RM4,661,887.00 (RM4.7 Juta)**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : YURAN KUIS & UNISEL**

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bantuan Negeri Selangor untuk membantu mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan?
- b) Dalam 3 bulan PKP, pelajar tidak hadir ke Universiti untuk pelajaran, adakah kerajaan mempertimbang untuk mengurangkan yuran kepada pelajar KUIS dan UNISEL?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan sentiasa memandang serius dan prihatin mengenai kebijakan mahasiswa Selangor dan telah mengambil inisiatif bagi membantu golongan mahasiswa yang memerlukan.

Hadiah Institut Pengajian Tinggi sebanyak RM1,000.00 diberikan secara *one-off* kepada mahasiswa yang mendaftar ke institut pengajian tinggi (IPT) bagi pendapatan keluarga dibawah RM5,000.00.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan pinjaman pelajaran boleh ubah di dalam dan luar negara dengan tanpa faedah kepada peminjam.

- b) Kerajaan Negeri memandang serius mengenai pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia dan pelaksanaan Perintah Kawalan Penggerakan (PKP) di Malaysia yang memberi impak kepada banyak industri termasuk bidang pendidikan.

Walaupun dalam perintah kawalan penggerakan (PKP) proses pengajaran dan pembelajaran masih berjalan secara dalam talian. Malahan pihak Universiti perlu menanggung kos pelaburan bagi perkakasan awan (*cloud computing*) untuk staf bekerja dari rumah, perisian, jalur lebar, sistem pengurusan pembelajaran dalam talian, e-sumber agar kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam talian berjalan lancar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : GERAN TANAH KAMPUNG CHEMPAKA DAN PENGENDALIAN HAL EHWAL TANAH**

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kesemua permohonan geran tanah di kawasan Kg. Chempaka setakat ini dan nyatakan sebab-sebab permohonan masih tidak diluluskan bagi setiap permohonan.

**JAWAPAN:**

- a) Dimaklumkan sehingga kini terdapat 22 permohonan pemberimilikan tanah di kawasan Kg Chempaka yang masih belum diluluskan. Berdasarkan keseluruhan permohonan yang masih belum diluluskan ini, 4 permohonan di dalam peringkat penyediaan kertas ringkasan untuk pertimbangan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) dan 1 permohonan dalam peringkat mendapatkan ulasan teknikal. 14 permohonan lain masih dalam siasatan tapak oleh Penolong Pegawai Tanah kerana siasatan terperinci perlu dilaksanakan berikutan wujud beberapa isu seperti pemohon mengemukakan permohonan semula kerana permohonan telah ditolak oleh MMKN sebelum ini, pemohon tidak mengusahakan tapak, pemohon tidak dapat dikenal pasti di tapak, pemohon mengusahakan tapak bercanggah dengan zoning kediaman, dan tapak yang dipohon adalah rizab jalan. Baki 3 permohonan lagi terpaksa ditangguhkan permohonan oleh Pentadbir Tanah Petaling berikutan wujud kes mahkamah ke atas tanah yang dipohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PERJAWATAN HAKIM SYARIE DI NEGERI SELANGOR**

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri dalam menaiktaraf sistem perjawatan hakim syarie di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dalam memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk menaiktaraf jawatan Hakim Syarie di Negeri Selangor.

Pada tahun 2016, satu jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor telah dinaiktaraf daripada Gred LS52 kepada Gred LS54. Selain jawatan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah berusaha untuk menaiktaraf jawatan-jawatan Hakim Syarie yang lain di seluruh Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana Kerajaan Negeri tertakluk kepada dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu sebarang cadangan untuk menaiktaraf jawatan sedia ada atau menambah jawatan baru hendaklah dilaksanakan secara trade off atau re-deployment jawatan sedia ada tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan tambahan.

Sehubungan dengan itu, usaha untuk menaiktaraf jawatan-jawatan Hakim Syarie sukar untuk dilaksanakan kerana di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor tidak ada sebarang lebihan jawatan yang boleh di trade off bagi tujuan menaiktaraf jawatan Hakim Syarie sehinggalah dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan tersebut diubah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : STATUS KEWANGAN NEGERI AKIBAT COVID-19**

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan status kewangan, termasuk rizab negeri selepas wabak Covid-19.

**JAWAPAN:**

- a) Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 merekodkan angka sebanyak RM2,832.28 Juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM929.08 Juta manakala Akaun Amanah Disatukan pula adalah sebanyak RM1,903.20 Juta.

Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 adalah masih stabil dengan merekodkan kutipan hasil sebanyak RM1,527.61 Juta. Angka ini adalah 69.44 peratus daripada RM2,200.00 Juta yang telah disasarkan dalam belanjawan 2020. Manakala jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula telah mencecah RM948.22 Juta atau bersamaan dengan 40.64 peratus daripada RM2,333.00 Juta yang telah dibelanjawankan. Kerajaan Negeri masih merekodkan lebihan sebanyak RM579.39 Juta sehingga 30 Jun 2020.

Tidak dinafikan, Pandemik Covid-19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Mengambilkira kedudukan dan prestasi kewangan Kerajaan Negeri serta kesan pandemik Covid-19 yang dihadapi ketika ini, defisit tahunan yang dirangka dalam Belanjawan 2020 iaitu sebanyak RM133 juta akan dapat dipertahankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : KUTIPAN HASIL NEGERI BAGI TAHUN 2019 HINGGA MAC 2020**

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak 2019 hingga Mac 2020, berapakah jumlah pendapatan Kerajaan Negeri hasil kutipan cukai tanah, cukai taksiran dan denda/kompaun yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan?
- b) Selain kutipan tersebut, apakah sumber pendapatan lain bagi Kerajaan Negeri dan ke manakah ianya dibelanjakan? Sila perincikan

**JAWAPAN:**

- a) Hasil Cukai Tanah yang dikutip oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan semua Pejabat Daerah/Tanah adalah merupakan Hasil Cukai yang diakaunkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan Negeri. Hasil kutipan Cukai Tanah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM563.94 juta dan sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak RM380.75 juta.

Untuk tujuan pemakluman, Cukai Taksiran dan Denda/Kompaun yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tidak dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan Negeri dan ianya merupakan pendapatan PBT berkenaan.

Jumlah kutipan Cukai Taksiran dan Denda/Kompaun yang dikutip oleh PBT Negeri Selangor pada 31 Disember 2019 adalah masing-masing berjumlah RM1,519.80 juta dan RM103.23 juta. Kutipan Cukai Taksiran dan Denda/ Kompaun sehingga 31 Mac 2020 adalah masing-masing berjumlah RM660.83 juta dan RM24.67 juta.

- b) Selain daripada Hasil Cukai yang terdiri daripada Cukai Tanah, Cukai Hutan, Cukai Parit dan Taliair dan Cukai Hiburan, sumber pendapatan lain Kerajaan Negeri adalah daripada Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Bagi Tahun 2019, Kutipan Hasil Cukai adalah sebanyak RM700.71 juta, kutipan Hasil Bukan Cukai sebanyak RM1,338.44 juta dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM281.02 juta dengan jumlah keseluruhan hasil tahun 2019 sebanyak RM2,320.17 juta. Manakala, Kutipan Hasil Cukai sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak RM416.68 juta, kutipan Hasil Bukan Cukai sebanyak RM897.35 juta dan Terimaan Bukan

Hasil sebanyak RM213.58 juta dengan jumlah keseluruhan hasil sehingga 30 Jun 2020 sebanyak RM1,527.61 juta.

Kutipan hasil Kerajaan Negeri ini akan diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri dan Perbelanjaan adalah mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlombagaan Persekutuan (Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan).

Bagi tahun berakhir 2019, Kutipan hasil Negeri Selangor pada bulan Disember mencatatkan jumlah RM2,320.17 juta dan ia dibelanjakan untuk perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,225.77 juta (95.76 peratus) dan perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM1,312.51 juta (93.55 peratus).

Bagi tahun 2020, Persidangan Dewan Negeri Selangor yang diadakan pada 1 November hingga 15 November 2019 telah meluluskan Anggaran Belanjawan Negeri Selangor berjumlah **RM2,333.00 juta** dengan pecahan **RM1,200.00 juta** atau **51.44 peratus** diperuntukkan bagi perbelanjaan Mengurus dan **RM1,133.00 juta** iaitu **48.56 peratus** diperuntukkan bagi perbelanjaan Pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL**  
**(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PROJEK AIR MANIS**

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan projek rumah Selangorku Air Manis Sabak Bernam?
- b) Nyatakan syarikat yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek tersebut?
- c) Apakah status pusat rehat dan rawat (RnR ) kekal atau dialih daripada pelan asal?

**JAWAPAN:**

- a) PNSB akan membina Rumah Idaman dengan komposisi melebihi 80% daripada jumlah keseluruhan pembinaan, iaitu sebanyak 217 unit. Konsep Rumah Idaman ialah rumah RSKU yang akan dilengkapi perabot seperti kabinet dapur dan kabinet bilik tidur, peti sejuk, pemanas air, kabinet tv dan tv serta alat penghawa dingin. Harga jualan dianggarkan sebanyak RM250,000.00 seunit dan dijangka akan bermula pembinaan Fasa 1 pada tahun 2021.
- b) Sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri, PNSB akan membangunkan tanah tersebut bersama-sama syarikat usahasama yang telah dilantik.
- c) Tapak asal RnR dicadangkan untuk dialihkan ke lokasi yang baru iaitu akan dibina diatas tanah milik Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB). Lokasi ini terletak lebih kurang 1 km daripada tapak asal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : ASNAF DAN FAKIR MISKIN DI NEGERI SELANGOR**

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah terkini asnaf fakir, miskin dan mualaf di dalam Negeri Selangor mengikut DUN?
- Berapakah bilangan penerima bantuan Zakat yang telah berjaya keluar daripada kemiskinan dengan bantuan Lembaga Zakat
- Berapakah jumlah agihan Zakat mengikut DUN dari tahun 2018?

**JAWAPAN:**

- Jumlah asnaf fakir, miskin dan mualaf bagi tempoh Januari hingga Mei tahun 2020 adalah seperti berikut:

**\*JUMLAH ASNAF FAKIR, MISKIN & MUALAF BAGI TEMPOH JANUARI-MEI 2020**

Daerah	Asnaf			Jumlah Keseluruhan
	Fakir	Miskin	Mualaf	
Gombak	1,833	4,001	935	6,769
Hulu Langat	2,556	5,946	911	9,413
Hulu Selangor	1,397	3,776	516	5,689
Klang	2,885	7,203	1,399	11,487
Kuala Langat	1,718	2,787	568	5,073
Kuala Selangor	1,191	5,510	386	7,087
Petaling	2,418	6,642	938	9,998
Sabak Bernam	374	4,209	206	4,789
Sepang	700	1,512	362	2,574
<b>JUMLAH</b>	<b>15,072</b>	<b>41,586</b>	<b>6,221</b>	<b>62,879</b>

**\*Nota:** 1. Fakir dan miskin adalah jumlah keluarga, manakala mualaf adalah jumlah individu.  
2. Data belum diaudit

- b) Bilangan penerima bantuan zakat yang berjaya keluar daripada kemiskinan dengan bantuan Lembaga Zakat Selangor seperti berikut:

**BILANGAN PENERIMA BANTUAN KELUAR KATEGORI ASNAF**

Tempoh	Bilangan (keluarga)
Jan - Dis 2019	3,372
* Jan - Mei 2020	1,125

**\*Nota:**

*Data belum diaudit*

- c) Jumlah agihan zakat dari tahun 2018 hingga Mei 2020 mengikut asnaf:

**JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF BAGI TAHUN 2018 HINGGA MEI 2010**

Asnaf	Jumlah Agihan (RM)		
	2018	2019	*2020
Fakir	121,567,634	149,935,889	56,813,589
Miskin	293,025,091	343,177,455	137,362,401
Amil	99,209,963	106,892,233	42,745,060
Muallaf	49,424,760	55,586,308	17,352,957
Riqab	24,279,041	18,777,056	6,518,854
Gharim	68,640,358	63,949,272	17,405,685
Fisabilillah	172,615,421	128,476,287	58,864,984
Ibnu Sabil	1,115,752	1,469,024	315,043
<b>Jumlah</b>	<b>829,878,020</b>	<b>868,263,524</b>	<b>337,378,573</b>

**\*Nota:**

1. Jumlah agihan bagi tahun 2018 sehingga Mei 2020
2. Data belum diaudit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : KEBAJIKAN PASUKAN BOMBA SUKARELA**

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas PKP, ramai yang berminat menyertai Pasukan Bomba Sukarela selepas mendapati pasukan ini memberi bantuan kepada barisan depan seperti menjalankan operasi sanitasi di tempat-tempat awam. Adakah kerajaan akan menimbalangkan kebijikan-kebijikan kepada pasukan-pasukan ini demi menggalakkan orang ramai menyertai pasukan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Pasukan Bomba Sukarela (PBS) memainkan peranan yang penting dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) secara amnya dan khususnya kepada JBPM Negeri Selangor. Mengikut senarai 1 Jadual ke 9, Perlembagaan Persekutuan pindaan 1976, pencegahan dan pemadaman kebakaran termasuk perkhidmatan bomba dan pasukan bomba adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, balai-balai bomba telah dibina oleh kerajaan dari semasa ke semasa di tempat-tempat yang strategic bagi memenuhi tanggungjawab ini. Namun demikian, usaha ini masih belum dapat menampung keperluan yang menyeluruh khususnya di bandar-bandar kecil dan juga penempatan di luar bandar.

Salah satu langkah bagi mengisi keperluan perkhidmatan kebombaan kepada masyarakat adalah dengan memperkenal dan menggerakkan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara. Petikan 14.65 Rancangan Malaysia Ketujuh berbunyi "*Pasukan Sukarelawan Bomba akan ditubuhkan dalam masyarakat dan mereka akan diberikan latihan dalam pemadaman dan pencegah kebakaran*". Tujuannya adalah untuk melahirkan pasukan sukarelawan terlatih yang boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi membantu Jabatan Bomba melaksanakan tugas pemadaman kebakaran dan penyelamatan.

Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela banyak membantu masyarakat dalam kerja-kerja pemadaman kebakaran, menyelamatkan nyawa dan harta benda. Di antara peranan Pasukan Bomba Sukarela adalah seperti berikut :-

- Mengambil tindakan awal jika berlaku kebakaran atau kecemasan sebelum ketibaan Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Memberi khidmat nasihat kepada masyarakat setempat terhadap bahaya-bahaya kebakaran dan langkah-langkah pencegahan kebakaran.
- Mengeratkan koordinasi dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta agensi-agensi lain berkaitan dengan keselamatan kebakaran.
- Menjaga dan menyelenggara pili bomba yang terdapat di kawasan masing-masing.

Untuk makluman, terdapat 31 Pasukan Bomba Sukarela yang didaftarkan di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan yang bergiat aktif di kawasan setempat di seluruh Negeri Selangor. Selain itu, sebanyak 4 Pasukan Bomba Sukarela baru dalam proses pendaftaran.

Sehubungan dengan itu, Pasukan Bomba Sukarela di Negeri Selangor telah memberi impak yang positif kepada masyarakat pada masa ini melalui bantuan dan sokongan kepada JBPM Negeri Selangor, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi dalam Operasi Sanitasi Awam ketika Negeri Selangor menjadi Zon Merah dalam Pancemik Wabak COVID-19 melanda negara yang boleh ditakrifkan sebagai bencana penyakit.

Bantuan dan peranan pasukan bomba sukarela pada ketika negara melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak COVID-19, PBS memberi khidmat bantuan kepada masyarakat dengan menyampaikan bahan asas makanan kepada masyarakat setempat. Pada masa yang sama, membantu ADUN-ADUN dan NGO-NGO untuk membantu masyarakat.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengambil maklum berkaitan kebijakan-kebijakan ahli Pasukan Bomba SUkarela Berdaftar di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia secara amnya dan di JBPM Negeri Selangor khususnya. Antara kebijakan untuk ahli bagi pasukan bomba sukarela seperti berikut :-

1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah meminda Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 dengan memasukkan Pegawai Bomba

Sukarela sebagai salah satu fungsi tugas untuk membantu JBPM dalam memadam kebakaran dan khidmat kemanusiaan.

2. Bantuan kewangan adalah sangat penting untuk meringankan bebanan PBS menjalankan pengoperasian kebombaan dan penyelamatan untuk membantu Jabatan Bomba dan Penyelamata Malaysia. Bantuan kewangan kepada PBS telah diterima sejak dari tahun 2013 berdasarkan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan no. ruj. KK/BPB (19.00) 202-59 Jld 5 SK (4). Walaubagaimanapun pada tahun 2019, Jabatan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM570,000.00 dengan pecahan RM1500.00 bagi setiap PBS di JBPM.
3. Pada masa ini Pegawai Bomba Sukarela yang didaftarkan dilindungi dengan Inurans Kelompok yang memberi manfaat semua jenis kematian dan keilatan. Contoh, manfaat kematian yang akan diterima ahli adalah berjumlah RM15000.00 dan Khairat Kematian atau Pengurusan Pengebumian sebanyak RM4000.00. Jumlah keseluruhan manfaat yang diterima adalah RM19000.00 mengikut terma dan syarat.
4. Pembekalan Personal Protective Equipment (PPE) dan bantuan peralatan kebombaan kepada setiap Pasukan Bomba Sukarela ini untuk memastikan kesiapsiagaan Pasukan untuk memberi khidmat kebombaan dan penyelamatan kepada masyarakat setempat.

Kesimpulannya Jabatn Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa menambahbaik sistem pengurusan dan menjaga kebijakan Pasukan Bomba Sukarela dari semasa ke semasa demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : IMPAK KRISIS COVID19**

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah impak krisis Covid19 terhadap kewangan Negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan kerajaan untuk pemulihan ekonomi di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 merekodkan angka sebanyak RM2,832.28 Juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM929.08 Juta manakala Akaun Amanah Disatukan pula adalah sebanyak RM1,903.20 Juta.

Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2020 adalah masih stabil dengan merekodkan kutipan hasil sebanyak RM1,527.61 Juta. Angka ini adalah 69.44 peratus daripada RM2,200.00 Juta yang telah disasarkan dalam belanjawan 2020. Manakala jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula telah mencecah RM948.22 Juta atau bersamaan dengan 40.64 peratus daripada RM2,333.00 Juta yang telah dibelanjawankan. Kerajaan Negeri masih merekodkan lebihan sebanyak RM579.39 Juta sehingga 30 Jun 2020.

Tidak dinafikan, Pandemik Covid-19 akan memberi kesan kepada Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun ini. Namun begitu, amalan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri berupaya menangani kesan ini tanpa mengabaikan peranan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Selangor yang menghadapi kesukaran dalam menghadapi situasi yang mencabar ini.

Mengambil kira kedudukan dan prestasi kewangan Kerajaan Negeri serta kesan pandemik Covid-19 yang dihadapi ketika ini, defisit tahunan yang dirangka dalam Belanjawan 2020 iaitu sebanyak RM133 juta akan dapat dipertahankan.

- b) Penularan COVID-19 ini ternyata telah menjadi krisis kesihatan global yang melanda seluruh dunia. Bagi menangani penularan wabak ini daripada berterusan, kerajaan dan kakitangan barisan hadapan berganding bahu dalam membentuk

strategi yang efektif dan berkesan. Sementara itu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan mengehadkan perjalanan orang ramai dengan mengenakan penutupan penuh dan perbatasan antarabangsa merupakan salah satu langkah terbaik bagi membendung jangkitan ini. Alhamdulillah pelaksanaannya telah terbukti berkesan dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sesungguhnya kita sebenarnya tidak punya pilihan, kita wajib memastikan usaha membendung atau ikhtiar melandaikan keluk penularan COVID-19 berjaya.

Namun begitu, PKP yang dilaksanakan bagi membendung penularan wabak ini telah memberi implikasi kepada kesihatan ekonomi di dalam negara Malaysia dan negeri Selangor. Aktiviti pengeluaran terganggu kerana kegagalan mendapatkan input barang perantaraan dari China, malah gangguan yang lebih serius adalah kerana penutupan atau pengurangan operasi berpunca dari PKP. Dalam pada itu, kegagalan untuk memperoleh input perantaraan dari EU dan Amerika Syarikat turut berlaku apabila mereka turut melaksanakan *lockdown*. PKP juga mengakibatkan sesetengah golongan pekerja kehilangan pendapatan. Antara lain, aktiviti perdagangan kecil-kecilan terbantut, pekerja kontrak kehilangan pendapatan dan pelbagai lagikekangan terhadap aktiviti ekonomi yang memberi kesan kepada pendapatan individu. Penurunan pendapatan individu diterjemah secara langsung kepada penurunan penggunaan swasta di dalam ekonomi domestik yang merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi terpenting sejak kebelakangan ini.

Menyedari kepayahan yang dialami oleh pelbagai pihak dan bagi mengurangkan beban kehidupan dan kesulitan ekonomi, Kerajaan Negeri telah menyediakan pakej rangsangan yang dikenali sebagai Pakej Selangor Prihatin. Pakej Selangor Prihatin Fasa Pertama telah dibentangkan pada 20 Mac 2020 manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua dibentangkan pada 1 April 2020 bertujuan untuk memangkin ikhtiar membendung penularan COVID-19 dan menyerap impak sosio-ekonomi penularan wabak tersebut.

Sejumlah RM127.8 juta diperuntukkan bagi Selangor Prihatin Fasa Pertama membabitkan tujuh inisiatif manakala Selangor Prihatin Fasa Kedua pula melibatkan peruntukan sebanyak RM272.5 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM400 juta. Walau bagaimanapun, perhatian utama pihak Kerajaan Negeri dari segi pelan pemulihan ekonomi pasca COVID-19 adalah untuk memastikan ekonomi berfungsi menghadapi kejutan permintaan dan penawaran. Realitinya, pakej rangsangan yang diwujudkan oleh kerajaan pusat serta disokong oleh pakej Selangor Prihatin ini hanya memadai untuk menangani kesan jangka

pendek sesuai dengan objektif pakej rangsangan iaitu untuk mencipta permintaan sambil memastikan penawaran yang mencukupi.

Oleh itu, bagi memastikan kesediaan untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan melantik perunding Econsult Consultancy and Training bagi melihat keseriusan impak kepada sektor ekonomi di negeri Selangor dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi serta memacu semula pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 2 Jun 2020 yang lalu menggariskan beberapa strategi jangka panjang yang perlu diterapkan di dalam pelan tindakan pembangunan ekonomi Negeri Selangor berdasarkan empat (4) teras asas iaitu:

- |               |   |  |
|---------------|---|--|
| Teras Pertama | : | Membangunkan industri teras untuk pertumbuhan;       |
| Teras Kedua   | : | Peningkatan produktiviti;                            |
| Teras Ketiga  | : | Menyediakan peluang pekerjaan; dan                   |
| Teras Keempat | : | Membangunkan rantaian industri dengan memperkasa PKS |

Berdasarkan kepada keempat-empat teras ini, penyusunan semula strategi untuk pemuliharaan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan untuk Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Pertama : Mentransformasikan “Sectoral Island” kepada sebuah ekonomi yang kompleks

Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memutuskan pendekatan melalui inisiatif Klusterisasi Negeri Selangor untuk menjana pertumbuhan ekonomi seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan Negeri Selangor 2019. Sembilan (9) kluster ini dilihat mampu menjadi ‘game changer’ untuk pembangunan ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak mampu memaksimumkan penggunaan sumber ekonomi serta tidak berupaya meraih manfaat jika tiada interaksi antara sektor. Interaksi ini mampu menerbitkan aktiviti ekonomi baharu yang tidak difikirkan sebelumnya dan dasar kerajaan yang mampu menggalakkan interaksi ini dijangka akan menyediakan asas yang kukuh untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Penciptaan dasar strategik yang berjaya dan boleh dilaksanakan akan melihat kesemua aktiviti ekonomi sebagai suatu spektrum aktiviti yang kompleks dan saling berkaitan. Sebuah ekonomi yang kompleks mempunyai lebih ruang untuk pembangunan, berbanding sebuah ekonomi yang dipenuhi oleh pulau-pulau sektor.

Kedua : Membangunkan industri sebagai sumber pertumbuhan

Pemilihan industri asas penjanaan ekonomi di dalam setiap kluster perlu meliputi keseluruhan spektrum rantaian nilai supaya kompleksiti ekonomi dapat ditingkatkan dan nilai tambah terhadap ekonomi dapat dimaksimumkan. Ianya bertepatan dengan teras pertama yakni membangunkan industri untuk sumber pertumbuhan. Dari sudut kerajaan, penggubalan dasar sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri yang lebih komprehensif dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Ketiga : Mewujudkan Nukleus Pemangkin (Nucleus Catalyst)

Pemilihan satu kluster khusus untuk mewujudkan nukleus pemangkin yang akan melimpahkan aktiviti (spill-over) kepada kluster yang lain melalui rantaian bekalan bersepadau adalah amat penting. Dengan mengenalpasti sebuah kluster pemangkin, ianya berpotensi untuk mencetuskan aktiviti ekonomi yang baru dan seterusnya menghasilkan pekerjaan dan mendorong kepada peningkatan produktiviti.

Keempat : Penubuhan sebuah entiti sebagai fasilitator

Salah satu cabaran di dalam merealisasikan strategi yang dirancang dengan baik adalah dari segi pelaksanaannya. Untuk memastikan pelaksanaan yang efektif dan sumber digunakan secara optimum, sebuah entiti perlu dibentuk agar memudahkan pelaksanaan strategi. Fungsi utama entiti adalah untuk mengenalpasti secara berterusan industri dan aktiviti yang akan ditumpukan. Ini bermakna elemen kedinamikan industri dan pasaran perlu diterapkan di dalam strategi pembangunan. Segala perubahan yang berlaku ke atas industri dan pasaran perlu diberi perhatian. Entiti tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti kedinamikan tersebut melalui penyelidikan dan pembangunan serta latihan. Entiti ini perlu bertindak sebagai sebuah pusat pengumpulan dan penganalisis maklumat yang relevan untuk tugas utamanya, pengenalpastian berterusan industri berpotensi, menghubungkan industri dalam dan luar kluster khususnya untuk mewujudkan peluang pekerjaan serta mendorong kepada peningkatan produktiviti. Entiti ini juga akan menyediakan platform untuk melatih kakitangan kerajaan negeri yang berkaitan dalam memahami dan melaksanakan aktiviti ekonomi yang telah dikenalpasti. Akhirnya, entiti ini juga perlu menjadi platform untuk latihan kepada bakal usahawan supaya mereka dilengkapi dengan

pemikiran yang relevan, maklumat, kemahiran, dan pengetahuan tentang menjalankan aktiviti berkenaan.

Ringkasnya, keempat-empat pelan tindakan ini melibatkan pentransformasian masalah kepada peluang. Penyelesaian masalah yang dicetuskan oleh pandemik COVID-19 berpaksikan jangka pendek dan berupa penyelesaian sementara yang tidak mampan serta menunjukkan terdapat kelemahan struktur ekonomi yang perlu diperbaiki untuk kemampunan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Dengan itu, Kerajaan Negeri optimis pelan tindakan yang telah digariskan ini akan dapat membantu pemulihan ekonomi di negeri Selangor seterusnya memacu pertumbuhan yang lebih mampan di masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : JUMLAH KELUAR MASUK LORI KUARI DI HULU LANGAT**

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berdasarkan rekod maklumat sistem e-docket, berapakah jumlah keluar masuk lori bagi kuari di kawasan Hulu Langat?
- Adakah jumlah itu sesuai dan selamat bagi kapasiti Jalan Hulu Langat (FT3210)?

**JAWAPAN:**

- Terdapat empat (4) tapak pengeluaran bahan batuan (granit) yang dikeluarkan permit bahan batuan (Permit 4C) di sepanjang Jalan Kuari Sungai Long yang menggunakan Jalan Hulu Langat.

Pemegang-pemegang permit tersebut ialah Dolomite Granite Quarry Sdn. Bhd., Ang Cheng Ho Quarry Sdn. Bhd., Syarikat Jati Pemborong Am Sdn. Bhd. dan Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. Waktu operasi yang diluluskan adalah seperti berikut:

Tahun 2019:

Isnin hingga Jumaat:            5.00 pagi hingga 7.00 pagi  
    9.00 pagi hingga 5.00 petang

Sabtu:                             5.00 pagi hingga 10.00 pagi  
    1.00 petang hingga 4.30 petang

Tahun 2020:

Isnin hingga Jumaat:            3.00 pagi hingga 6.00 pagi  
    9.00 pagi hingga 5.00 petang

Sabtu:                             3.00 pagi hingga 10.00 pagi  
    1.00 petang hingga 5.00 petang

Berdasarkan Sistem Smart Docket Negeri Selangor secara purata, sejumlah **543** buah lori direkodkan keluar masuk dalam sehari pada tahun 2019 manakala bagi tahun 2020 (sehingga Februari/ sebelum pelaksanaan PKP), sebanyak **583** buah dengan muatan granit di antara 0.8 meter padu hingga 43.4 meter padu (lebih kurang 1.1 tan hingga 59 tan).

- b) Struktur pavement jalan direkabentuk bagi menampung beban trafik untuk tempoh jangka hayat selama 10 hingga 20 tahun. Namun, ia perlu disenggara dari semasa ke semasa dalam tempoh jangka hayat itu. Selain penyelenggaraan secara rutin seperti menampal lubang pada permukaan jalan, jaringan jalan raya ini juga perlu dibuat penyelenggaraan secara berkala seperti menurap semula permukaan jalan.

Terdapat pelbagai teknik yang diamalkan bagi membaikpulih kerosakan jalan, bergantung pada jenis dan tahap kerosakan. Kaedah penurapan secara ‘*overlay*’ dan *mill & Pave*’ digunakan bagi membaharui permukaan jalan jika kerosakan hanya melibatkan lapisan turapansahaj (kerosakan fungsi), manakala kaedah pembaikan secara ‘*cold in – place recycling*’ bagi meningkatkan kekuatan lapisan asas (*road base*) dilaksanakan ke atas jalan yang mengalami kerosakan struktur.

Bagi kerosakan jalan yang melibatkan tindakan pembaikan yang rumit atau memerlukan kajian lanjut, tempoh masa pembaikan adalah tertakluk pada tahap kerosakan dan kos peruntukan semasa. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut juga akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan setiap tahun.

Berdasarkan kepada Road Traffic Volume Malaysia (RTVM) edisi 2019 diterbitkan Kementerian Kerja Raya Malaysia, Jalan Industri Hulu Langat (FT3210) telah mencapai tahap tepu LOS F dimana jumlah kenderaan yang melalui jalan tersebut adalah sebanyak 30,097 kenderaan/sehari. Jumlah kenderaan berat yang melalui jalan tersebut adalah sebanyak 11.3% (3,400.961 kenderaan/sehari) jenis lori (*medium & heavy lorries*) melaui jalan tersebut.

Walaupun kerja-kerja penyelenggaraan jalan secara rutin dan berkala dilaksanakan, tanpa kawalan dan perlaksanaan kepatuhan terhadap kenderaan berat terutama melebihi muatan yang ditetapkan, ianya akan menjaskan kapasiti struktur pavemen dan akan memendekkan tempoh jangka hayat jalan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : HOSPITAL SEMENYIH**

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk membina Hospital baru di DUN Semenyih?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kesesakan pesakit untuk mendapatkan rawatan di pusat kesihatan di Daerah Hulu Langat khususnya di Semenyih?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan sentiasa cakna tentang keperluan hospital baru akibat kepadatan penduduk di Daerah Ulu Langat di mana terletaknya Semenyih dan Kajang. Buat masa ini, terdapat tiga (3) buah Hospital Kerajaan dengan pakar major yang menyediakan perkhidmatan kesihatan di daerah Hulu Langat dan sekitarnya iaitu :-
  - i. Hospital Kajang: 326 katil (bilangan katil beroperasi)
  - ii. Hospital Serdang: 694 katil (bilangan katil beroperasi)
  - iii. Hospital Ampang: 562 katil (bilangan katil beroperasi)

Jumlah keseluruhan katil yang disediakan oleh hospital kerajaan adalah sebanyak 1582 kesemuanya.

Tidak terkecuali perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh pihak swasta iaitu terdapat sepuluh (10) buah Hospital Swasta di daerah ini dengan jumlah katil sebanyak 699 buah.

Dengan ini, jumlah keseluruhan bilangan katil sedia ada setakat Januari 2019 yang disediakan oleh hospital kerajaan dan juga swasta adalah sebanyak 2281 buah katil.

Oleh yang demikian,pada masa ini tiada perancangan untuk menwujudkan sebuah lagi hospital di daerah ini. Kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam menambahbaik fasiliti klinik kerajaan dan hospital melalui projek kerja-kerja naiktaraf yang dilaksanakan secara berterusan.

- b) Projek pembinaan Klinik Kesihatan Semenyih telah diluluskan dalam Bajet Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11) Rolling Plan 4 Tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak RM 31.2 juta. Untuk makluman, kerja tanah telah dimulakan pada tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PERBICARAAN MAHKAMAH SYARIAH SECARA MAYA (VIRTUAL)**

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri untuk membantu Mahkamah Syariah yang telah melaksanakan perbicaraan secara maya (virtual) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan memandangkan Mahkamah Sivil mendapat peruntukan yang besar dalam memastikan perbicaraan secara maya dapat dijalankan dengan lancar?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini Mahkamah Syariah Selangor telah menggunakan sistem E-syariah yang telah dibangunkan bagi kegunaan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2002. Pembangunan sistem tersebut, antara lain, bertujuan untuk menyeragamkan pemakaian sistem yang berkaitan dengan pengurusan kes Mahkamah Syariah termasuklah urusan pendaftaran, rekod bicara, pengeluaran perintah, faraidh dan penguatkuasaan perintah nafkah. Oleh yang demikian, sebarang cadangan perubahan atau pertambahan terhadap sistem tersebut seperti pembangunan sistem khas bagi perbicaraan atas talian hanya boleh dibuat setelah perbincangan dilaksanakan dan kelulusan diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Walau bagaimanapun, sebagai tanda komitmen yang tinggi Kerajaan Negeri Selangor terhadap kemajuan Mahkamah Syariah Selangor, sejumlah peruntukan telah diberikan pada setiap tahun bagi menampung kos penyediaan prasarana dan perkakasan ICT seperti pembelian set desktop, mesin pencetak dan software yang berkaitan yang digunakan oleh seluruh warga kerja Mahkamah Syariah Selangor, termasuklah semasa pengendalian perbicaraan secara maya (virtual).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PRESTASI PEMBANGUNAN DI NEGERI SELANGOR**

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi pembangunan di Negeri Selangor berdasarkan peruntukan kewangan yang disediakan pada tahun ini ekoran wabak Covid-19?

**JAWAPAN:**

- a) Wabak Pandemik Covid-19 telah nyata memberi impak kepada prestasi pembangunan Negeri Selangor berikut dengan projek-projek dan aktiviti-aktiviti pembangunan yang tidak dapat berlangsung sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan semenjak 18 Mac 2020. Bagi tahun 2020 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,133,000,000.00 untuk tujuan pembangunan. Jumlah ini adalah merangkumi peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek fizikal serta program-program pembangunan seperti program-program di bawah Jawatankuasa Tetap. Sebelum pelaksanaan PKP, prestasi pembangunan berada pada paras 20.6%. Setelah pelaksanaan PKP dilonggarkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), aktiviti-aktiviti pembangunan telah mula berjalan dan prestasi terkini perbelanjaan pembangunan sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak RM362,202,493 iaitu 31.97% daripada keseluruhan peruntukan 2020.

Walaupun terdapat peningkatan prestasi selepas pelaksanaan PKPB dan PKPP, peningkatan tersebut adalah perlahan kerana aktiviti-aktiviti pembangunan ini akan mengambil masa untuk mencapai tahap optimum. Projek-projek yang terlibat dengan pelaksanaan PKP pula layak diberi *Extension of Time* (EOT) dan ini akan menyebabkan berlaku kelewatan terhadap tempoh siap projek. Walau bagaimanapun, tiada projek pembangunan yang dibatalkan dan Kerajaan Negeri sentiasa memantau kesemua projek bagi memastikan permasalahan projek lewat dapat diselesaikan. Selain daripada itu, terdapat banyak program-program yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana setiap program yang ingin dilaksanakan perlu mematuhi *Standard of Procedures* (SOP) seperti penjarakan sosial, tidak bersesak selain tiada melibatkan sentuhan fizikal. Ini telah menyumbang kepada penjimatan perbelanjaan pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : ISU WARGA ASING DAN PELARIAN**

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri pernah melakukan bincian isi rumah warga asing di kawasan DUN Teratai?
- b) Jika tidak, adakah perancangan melaksanakan bincian susulan lambakan warga asing yang tidak terkawal di Pandan Mewah, Tasek Permai dan Tasek Tambahan?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Tuan Lai Wai Chong yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pelaksanaan banci adalah untuk mengumpul stok dan profil penduduk dan perumahan yang komprehensif dan terperinci sehingga ke peringkat geografi terkecil. Bincian penduduk yang dilaksanakan adalah meliputi **warga Malaysia** dan **bukan warga** tanpa mengira status pelarian atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah dilaksanakan sejak banci tahun 1970 lagi. Pada tahun Binci 2010, terdapat sebanyak **4,358 penduduk bukan Warga Negara** bagi **Dun Teratai**. Maklumat warga asing yang terkini bagi Dun Teratai akan diterbitkan selepas Binci 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : KUTIPAN HASIL PTGS DAN PTD SETIAP DAERAH**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah prestasi kutipan hasil premium dan cukai tanah oleh PTGS dan PTD di setiap daerah pada tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, prestasi kutipan keseluruhan cukai tanah Negeri Selangor sehingga 31 Mei 2020 adalah sebanyak RM289,698,112.17 merangkumi kutipan cukai semasa sebanyak RM270,576,524.27 dan RM19,121,587.90 bagi tunggakan cukai.

Manakala prestasi kutipan cukai tanah sehingga 31 Mei 2019 pula adalah sebanyak RM465,513,992.90 meliputi kutipan cukai semasa sebanyak RM427,594,474.76 dan RM37,919,518014 untuk kutipan tunggakan cukai.

Berdasarkan laporan prestasi kutipan tersebut, dapat dilihat bahawa terdapat penurunan kutipan cukai tanah di negeri ini pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu penurunan sebanyak 38% jumlah kutipan bulan Mei tahun 2020 berbanding jumlah kutipan bulan Mei 2019. Penurunan ini jika dilihat di dalam nilai Ringgit Malaysia (RM) adalah sebanyak RM175,815,880.73.

Manakala prestasi kutipan premium tanah bagi tahun 2020 sehingga 31 Mei 2020 adalah sebanyak RM 778,961,913.42 dan secara keseluruhannya ia meningkat sebanyak 53% dari tempoh yang sama bagi tahun 2019 iaitu RM 508,239,705.46.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

<b>JABATAN/DAERAH</b>	<b>KUTIPAN HASIL PREMIUM TANAH 31 MEI 2019 (RM)</b>	<b>KUTIPAN HASIL PREMIUM TANAH 31 MEI 2020 (RM)</b>
<b>PTG SELANGOR</b>	3,341,225.00	5,589,958.00
<b>PETALING</b>	158,560,581.80	422,291,306.23
<b>KLANG</b>	146,954,345.04	101,959,604.70
<b>SEPANG</b>	18,366,850.68	12,979,666.39
<b>KUALA LANGAT</b>	14,536,140.02	14,268,441.00
<b>HULU LANGAT</b>	42,094,494.03	132,948,516.00
<b>KUALA SELANGOR</b>	94,115,381.70	12,744,871.00
<b>HULU SELANGOR</b>	4,049,221.45	9,224,356.80
<b>SABAK BERNAM</b>	5,250,661.00	1,780,046.00
<b>GOMBAK</b>	20,970,804.74	65,175,147.30
<b>JUMLAH</b>	<b>508,239,705.46</b>	<b>778,961,913.42</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PELANCONGAN DALAM NEGERI**

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong dalam negeri ke destinasi-destinasi pelancongan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan baru yang digunakan untuk tujuan ini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah bersedia untuk menjalankan aktiviti promosi untuk menarik pelancong dalam negeri ke destinasi-destinasi pelancongan di Negeri Selangor seperti yang berikut:
  - I. Memfokuskan pasaran domestik sebagai pasaran utama pelancongan seperti penganjuran kempen “Pusing Selangor Dulu”
  - II. Mempelbagaikan sasaran pasaran pelancongan kepada kategori ‘*Short haul – Destinasi pelancongan domestik dan Asia Tenggara*’, ‘*Medium haul – Destinasi Pelancongan Asia, Australia & Afrika*’ dan ‘*Long haul – Destinasi Pelancongan Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan*’.
  - III. Tumpuan utama kepada sektor pelancongan alam semulajadi (eco), sukan, perubatan, pendidikan, pelayaran mewah dan agro.
  - IV. Menganjurkan kempen pengiklanan melalui platform digital dan atas talian (*Online*).
  - V. Mempergiatkan penganjuran kempen promosi dalam negara dan luar negara serta meneroka pasaran baru seperti Rusia, Indonesia dan Australia.
  - VI. Pembangunan produk pelancongan klusterisasi yang memfokuskan kepada Pelancongan Eko, Pertanian, Sukan, Perubatan, Pendidikan dan Pelayaran Mewah.
  - VII. Penganjuran Acara Pelancongan berskala antarabangsa pada setiap bulan dan sepanjang tahun.
  - VIII. Program usahasama bersama penggiat industri pelancongan seperti Hotel, Agensi Pelancongan, Media, Syarikat Penerbangan.
  - IX. Mengemaskini direktori pelancongan mengikut *trend* dan perkembangan pelancongan terkini.

- X. Mempromosikan pakej pelancongan bersepadu seperti pakej ‘*Experiential Tourism*’ melalui program Latihan Hos Komuniti Selangor.
- b) Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM 4,194,870.65** bagi perbelanjaan program promosi pelancongan yang dilaksanakan oleh pihak Tourism Selangor sebagai agensi promosi pelancongan mengikut pecahan seperti berikut:-

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN (RM)
1	Acara Pelancongan Dan Program Pelancongan Fokus	772,379.30
2	Program Promosi Dan Pemasaran - Dalam Negara	344,820.00
3	Program Promosi Dan Pemasaran Promosi - Luar Negara	1,182,709.06
4	Program Pengiklanan Pelancongan Dan Komunikasi Korporat	1,760,873.00
5	Program Pembangunan Pakej Dan Produk Pelancongan	134,089.29
	<b>JUMLAH</b>	<b>4,194,870.65</b>